

4 universiti teknikal perlu tingkat pengambilan

VM (Vlm Nugen) Selasa 26/4/11 ms 27

KUALA LUMPUR 25 April - Sebanyak empat universiti teknikal di negara ini perlu memastikan pengambilan pelajar-pelajarnya adalah terdiri daripada 60 peratus dalam bidang teknikal menjelang 2015.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah (**gambar**) berkata, universiti terlibat adalah Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknkal Malaysia Malaysia (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

"Universiti ini juga perlu memperluaskan lagi penawaran program-program teknikal yang selari dengan keperluan pembangunan

negara," katanya ketika menggulung perbahasan menjunjung titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara hari ini.

Saifuddin berkata, keempat-empat universiti itu perlu diletakkan sebagai institusi Apex dalam pengajian teknikal setanding dengan universiti-universiti sains gunaan yang terdapat di negara-negara lain.

"Bagi mencapai hasrat itu juga, kementerian akan mencadangkan supaya Majlis Teknikal Universiti-Universiti Malaysia (MTUN) me-

nerima pelajar institusi kemahiran iaitu lepasan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) bermula tahun ini untuk beberapa program tertentu," katanya.

Beliau berkata, selain itu, institusi politeknik negara juga akan terus melalui fasa pemantapan dan pembaruan sesuai dengan kedudukannya sebagai institusi utama dalam pengajian Pendidikan dan Latihan Vokasional dan Teknikal (TVET).



berikan maklumat
kepada ahli politik
dan masyarakat
selepas pelantikan
Barisan Nasional
di Dewan Rakyat
semalam. Mereka
menyatakan bahawa
Barisan Nasional
akan berusaha
membuat perubahan
yang besar dalam
perkembangan negara.
Barisan Nasional
akan berusaha
membuat perubahan
yang besar dalam
perkembangan negara.